

20/11/2000

Globalisasi cuma tipu daya Barat (HL)

Mutazar Abd Ghani; Wan Jailani Abd Razak; Saidon Idris; Azli Ayob LANGKAWI, Ahad - Pandangan sesetengah negara Barat bahawa fenomena globalisasi adalah sesuatu yang tidak boleh disekat adalah hanya strategi mereka untuk menguasai ekonomi dunia.

Pihak yang terbabit sengaja mengulang dan menekankan bahawa globalisasi tidak boleh disekat dan diubah suai kerana ia memang strategi mereka supaya seluruh dunia menerimanya dalam bentuk yang mereka mahu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, malah Ketua Pengarah Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) sendiri membayangkan fenomena itu sebagai sesuatu yang tidak boleh ditolak dengan menyatakan tindakan untuk menongkah arus globalisasi adalah seperti 'cubaan untuk memberhentikan pusingan bumi.'

"Mengapa mereka (negara Barat) begitu bersungguh-sungguh mengatakan ia satu kebenaran (globalisasi tidak boleh disekat)? Ini kerana dengan menyatakannya berulang kali kita akan menerimanya sebagai hakikat dan sekali gus tidak membuat analisis kritikal terhadapnya," kata Perdana Menteri dalam ucapannya di majlis pembukaan dan jamuan malam Dialog Antarabangsa Langkawi dan Global 2000 (LID-Global2000), di Pusat Pameran Mahsuri di sini hari ini.

Beliau berkata, hakikatnya tidak banyak unsur pasaran bebas dalam bentuk globalisasi yang dicanangkan oleh negara Barat terbabit. Konsep globalisasi seperti yang diketengahkan oleh mereka sengaja dibentuk untuk memenuhi keperluan mereka.

Menurutnya, agak pelik juga dalam pada serangan pelbagai strategi ekonomi dan politik untuk mendominasi ekonomi itu dilaksanakan, sebarang usaha melengahkan kemajuan liberalisasi perdagangan oleh negara membangun secara automatiknya dilabelkan sebagai halangan perniagaan atau gangguan pasaran, tetapi apabila negara maju melakukannya ia diterima pula.

Sebagai contoh, Dr Mahathir berkata, sepanjang tujuh tahun Pusingan Uruguay Perjanjian Am mengenai Tarif dan Perdagangan (GATT), beberapa negara maju seperti Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun memperoleh syarat khas bagi sektor tekstil dan pertanian mereka.

"Apabila perdagangan global semakin membahayakan penguasaan mereka dalam bidang berkenaan, mereka menggunakan beberapa bentuk halangan tarif dan bukan tarif termasuklah kuota serta apa yang dipanggil sekatan eksport sukarela," kata Dr Mahathir.

Katanya, negara maju juga memperkenalkan Peraturan Negara Asal bagi mengenal pasti negara asal produk tekstil atau pakaian, sekali gus mengubah suasana persaingan dan menambah sekatan terhadap eksport tekstil berkos rendah dari negara lain.

Dr Mahathir menyebut perjanjian perdagangan bebas antara Afrika Selatan dan Kesatuan Eropah yang mengecualikan 46 peratus produk pertanian Afrika Selatan sebagai satu lagi contoh sikap berat sebelah sesetengah negara maju.

"Mengapa? Kerana ia secara langsung bersaing dengan pengeluar Eropah. Adakah ini bukan gangguan pasaran?," katanya.

Perdana Menteri berkata, di samping itu dua pertiga daripada pergerakan barangan dan perkhidmatan antarabangsa berlaku dalam bentuk transaksi antara firma dan di dalam firma melalui mekanisme yang tidak langsung menyamai persaingan terbuka global.

"Adakah ini bukan amalan tidak adil?" tegas beliau. Contoh lain ialah Perjanjian Perdagangan Berkaitan Hak Harta Intelektual (TRIPS) yang melindungi hak sesebuah syarikat tetapi membenarkan tindakan mempaten

pengetahuan bersama komuniti setempat.

Kesannya kepada negara membangun ialah kerugian berbilion ringgit yang dipindah kepada negara maju kerana syarikat antarabangsa terus menguasai semua paten negara membangun.

Perdana Menteri juga menegaskan, bagi kepentingan apa yang dipanggil persaingan sama rata, WTO mahukan semua negara menghentikan subsidi kepada petani, dan Amerika menerusi Rang Undang-undang Petani 1996 mengurangkan pembayaran subsidi langsung.

Bagaimanapun, katanya, menerusi polisi `Green Box' pengecualian diperuntukkan bagi subsidi pendapatan langsung kepada pengeksport produk agro Amerika dan kerana ia tidak meliputi subsidi pengeluaran, oleh itu ia bukannya gangguan pasaran.

"Saya tidak faham dengan logik aturan itu yang dibuat atas nama perdagangan adil, tetapi yang lebih membimbangkan ialah prospek polisi yang mungkin pada dasarnya tidak menyalahi, tetapi akan menghancurkan petani kecil seluruh dunia," katanya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri dalam ucapannya mengajak negara membangun supaya melengkapkan diri dan mengukuhkan kekuatan kerana menurutnya kegagalan berbuat demikian adalah seperti meletakkan senjata dan menyerahkan nasib.

"Kita perlu berusaha bagi pengetahuan teknologi lebih tinggi, perwakilan lebih bererti di forum antarabangsa dan rangka kerja institusi, perundangan dan kawal selia antarabangsa yang bersesuaian," katanya.

(END)